

16 OCT 2001

Cuepacs-Perhimpunan

CUEPACS ANJUR PERHIMPUNAN UNTUK JELAS KEADAAN KESELAMATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengadakan majlis penerangan mengenai keadaan keselamatan dan ekonomi negara sekarang kepada pemimpin-pemimpin gabungannya.

Presiden Cuepacs Datuk N.Siva Subramaniam hari ini berkata perhimpunan dua hari itu, yang dijangka diadakan di sini awal bulan depan, akan dihadiri kira-kira 300 pemimpin gabungan.

Menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka berucap pada hari kedua majlis itu yang dinamakan "Perhimpunan Perdana Cuepacs".

"Kita mahu semua pemimpin kesatuan memahami apa yang sedang berlaku dalam Malaysia dan sumbangan mereka dalam pembangunan Malaysia... kita ingin supaya mereka ini dapat balik ke tempat masing-masing untuk menerangkan keadaan sebenar dan apa yang harus dibuat," katanya dalam satu temuramah dengan Bernama di Wisma Bernama di sini.

Beliau berkata Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan turut diminta memberikan penerangan mengenai situasi terkini keselamatan dan ekonomi negara pada perhimpunan itu agar mesej dapat disampaikan pula kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam dan seterusnya rakyat.

Mengenai cadangan kerajaan untuk melaksanakan peraturan yang mewajibkan kakitangan awam menandatangani akujanji, beliau berkata Cuepacs telah memberikan pandangannya kepada kerajaan mengenai beberapa perkara.

Antaranya menukar perkataan akujanji kepada etika perkhidmatan awam bagi melambangkan perkhidmatan awam yang bertaraf antarabangsa.

"Syarat-syarat akujanji tidak harus jadi satu ugutan kepada kakitangan kerajaan malahan ia harus mendorong kakitangan awam membantu jentera kerajaan supaya ia berjalan lancar," katanya.

-- BERNAMA

RV ZS RON